

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN

BILANGAN 2 TAHUN 2019

PELANTIKAN PENGGAWA DAN PENGHULU SEBAGAI PENYERAH NOTIS

Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali ke 24 tahun 2018 yang telah bersidang pada 19hb Disember 2018 telah menimbang dan meluluskan Cadangan Pelantikan Penggawa dan Penghulu Sebagai Penyerah Notis bagi tujuan Seksyen 430 hingga Seksyen 433 Kanun Tanah Negara 1965.

2. Keputusan ini bertujuan bagi menangani masalah kekurangan kakitangan bagi menjalankan tugas-tugas penyerahan notis. Masalah ini menyebabkan urusan penyerahan notis-notis serta apa-apa dokumen yang memerlukan serahan kediri tidak dapat dijalankan dengan berkesan. Dengan pelantikan ini Pentadbir-Pentadbir Tanah boleh mengarahkan penggawa dan penghulu untuk menjalankan tugas-tugas penyerahan apa-apa notis atau dokumen mengikut peruntukkan-peruntukkan Kanun Tanah Negara. Bagi tujuan melaksanakan pelantikan ini Pentadbir-Pentadbir Tanah hendaklah mengeluarkan surat lantikan kepada Penggawa dan Penghulu di jajahan masing-masing.

3. Pentadbir-pentadbir Tanah diminta mengambil maklum dan tindakan sewajarnya seperti di Perenggan 2.

4. Pekeliling ini berkuatkuasa serta-merta.



**DATO' SR. HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, D.P.S.K.(Kelantan), K.M.N.
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN**

KEPADA :

Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Setia Kaya Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM**

**FAIL : PTG.PKP.5/3/1
BERTARIKH : 29 SYAABAN 1440H
05HB MEI 2019**